




NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 18
Bil. 12

6hb Jun, 1974

TAMBAHAN No. 8
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 28. 4.6

ORDINAN PERBANDARAN

(N.N.S. Bab 133)

UNDANG-UNDANG KECIL (LEMBUKERBAU)

MAJLIS DAERAH LUAR BANDAR, PULAU PINANG, 1972

BAHAWASANYA pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 58 (1) (s), (u), (v) (iii) dan (iv), (z), 211 (1) (1) dan 379 Ordinan Perbandaran, Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang di satu mesyuarat khas Majlis yang telah diadakan pada 3hb Ogos, 1972 telah meluluskan Undang-undang Kecil (Lembukerbau) Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang (disebut selepas ini sebagai "Undang-undang Kecil tersebut");

N.N.S.
Bab 133.

Dan bahawasanya mengikut seksyen 58 (4) Ordinan Perbandaran, maka Undang-undang Kecil yang tersebut itu telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang* sebelum ianya disahkan dan dibenarkan sebagai Pemberitahu *Warta Kerajaan* Bilangan 207 tahun 1973 pada 27hb September, 1973.

Oleh itu maka sekarang ini sebagai menjalankan kuasa-kuasa yang diserahkan oleh seksyen 58 (4) dan 379 (2) dalam Ordinan Perbandaran, maka Pihak Berkuasa Negeri, dengan ini memberi pengesahan dan kebenaran Undang-undang tersebut itu seperti berikut:

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan *Undang-undang Kecil (Lembukerbau) Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang, 1972*. Nama.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain-- Tafsiran.

"lembukerbau" termasuklah kuda, lembu, sapi, kerbau, kambing biri-biri dan kambing; →

"kandang Lembukerbau" bermakna sesuatu bangunan yang digunakan atau yang dicadang untuk digunakan bagi memelihara lembukerbau;

"tempat" bermakna sesuatu bangunan, tanah atau harta dan termasuk sesuatu jalan atau tempat yang orang ramai boleh memasuki;
 "pegawai kesihatan" bermakna Pegawai Kesihatan Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang dan termasuk mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pegawai Kesihatan atau Setiausaha Majlis sebagai pihak berkuasa kesihatan bagi maksud Undang-undang Kecil ini;

"pemegang lesen" bermakna seseorang yang diberikan lesen di bawah Undang-undang Kecil ini;

"bangunan berlesen" bermakna sesebuah bangunan yang berlesen di bawah Undang-undang Kecil ini, dan termasuk tanah yang menjadi kepunyaannya;

"Majlis" bermakna Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang.

Lesen yang
perlu untuk
memelihara
lembukerbau.

Syarat-syarat
bagi peng-
eluaran satu
lesen.

3. (i) Tiada sebuah tempat pun di dalam kawasan Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang boleh digunakan oleh mana-mana orang bagi maksud memelihara lembukerbau tanpa satu lesen yang dikeluarkan oleh Majlis, melainkan dikecualikan oleh Majlis.

(ii) Majlis boleh melesenkan sesuatu tempat di dalam kawasan Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang bagi maksud memelihara lembukerbau. Lesen itu hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat sepertimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Majlis.

(iii) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah memperlihatkan lesennya pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat atau didapati dalam bangunan berlesen itu dan hendaklah menunjukkan lesen itu atau menyebabkannya ditunjukkan apabila diminta oleh Pihak Berkuasa Kesihatan untuk diperiksa.

(iv) Sesiapa yang gagal mematuhi perenggan (iii) tanpa sebab yang menasabah, boleh dikenakan denda sebanyak duaratus limapuluh ringgit.

(v) ~~Tiap-tiap permohonan bagi sesuatu lesen untuk menggunakan~~ mana-mana tempat sebagai sebuah kandang lembukerbau di bawah seksyen kecil (ii), hendaklah menyatakan bilangan lembukerbau yang hendak dipelihara di dalamnya dan hendaklah disertai dengan satu pelan yang menunjukkan tapak dan keluasan tanah kepunyaan kandang lembukerbau itu.

(vi) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah menyatakan nama pemegang lesen, letaknya bangunan, alamat pos dan bilangan lembukerbau yang dibenarkan dipelihara dalam kandang lembukerbau itu.

(vii) Majlis boleh, di mana-mana ketika terdapat pelanggaran Undang-undang Kecil ini atau syarat-syarat sesuatu lesen oleh pemegang lesen, membatalkan atau menggantung lesen itu bagi selama tempoh yang boleh ditentukan oleh Majlis mengikut budibicara Majlis.

(viii) Tiap-tiap lesen akan mati tempohnya pada 31hb Disember yang berikutan dengan tarikh pengeluarannya.

(ix) Majlis boleh enggan membaharui sesuatu lesen itu tanpa memberi apa-apa sebab pun.

(x) Sesiapa yang tidak mempunyai lesen menggunakan mana-mana tempat di dalam kawasan Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang atau membenarkan tempat itu digunakan bagi maksud memelihara lembukerbau adalah melakukan satu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini dan boleh didenda tidak lebih daripada duaratus limapuluh ringgit.

(xi) Seseekor lembukerbau yang didapati di luar tempat yang dinyatakan di dalam lesen itu boleh ditangkap oleh Pegawai Kesihatan dan dibawa terus ke mana-mana rumah sembelih yang Pegawai Kesihatan menganggap sesuai untuk disembelih atau dihapuskan dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pegawai Kesihatan.

(xii) Tiada apa-apa pampasan akan dibayar bagi seseekor lembu kerbau yang telah disembelih atau dihapuskan di bawah syarat-syarat perenggan (xi) Undang-undang Kecil ini.

4. Bayaran bagi sesuatu lesen yang diberi di bawah syarat-syarat Undang-undang Kecil 3 dalam Undang-undang Kecil ini hendaklah menurut kadar-kadar yang dinyatakan di dalam Jadual bersama ini dengan syarat:

Bayaran Lesen.

(1) bayaran-bayaran yang dikenakan bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan selepas 30hb Jun dalam mana-mana tahun hendaklah separuh daripada kadar yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut;

(2) bayaran yang dibuat bagi sesuatu lesen itu tidak boleh dibayar balik apabila lesen itu dibatalkan atau digantung.

5. (i) Lembukerbau tidak boleh dipindah atau diangkut dari ke dalam atau di dalam kawasan Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang tanpa satu permit yang dikeluarkan bagi maksud itu oleh Pegawai Kesihatan.

Permit untuk memindah atau mengangkut lembukerbau

Dengan syarat bahawa Undang-undang Kecil ini tidak terpakai kepada lembukerbau yang dalam pemindahan dari satu tempat ke tempat lain.

(ii) Mana-mana pemilik atau orang yang menjaga mana-mana lembukerbau yang dipindah atau diangkut dengan melanggar syarat-syarat perenggan (i) Undang-undang Kecil ini adalah melakukan satu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini.

(iii) Seseekor lembukerbau yang dipindah dari satu tempat ke tempat yang lain tanpa permit seperti itu boleh ditangkap oleh Pegawai Kesihatan dan dibawa terus ke mana-mana rumah sembelih yang Pegawai Kesihatan menganggap sesuai untuk disembelih atau dihapuskan dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pegawai Kesihatan.

(iv) Bangkai seseekor lembukerbau yang disembelih di bawah syarat-syarat perenggan (iii) Undang-undang Kecil ini hendaklah dihapuskan dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pegawai Kesihatan dan hasil yang diperolehi darinya akan dipegang oleh Pegawai Kesihatan sementara menunggu keputusan bagi penyelesaiannya di bawah perenggan (v).

(v) Sekiranya satu sabitan direkodkan di bawah perenggan (iv), apa-apa basil daripada bangkai seseekor binatang yang disembelih di bawah syarat-syarat Undang-undang Kecil ini yang dipegang oleh Pegawai Kesihatan akan dirampas menjadi hak Majlis atau sebaliknya dibayar balik kepada pemiliknya atau kepada sesiapa jua yang Mahkamah mengarah.

6. (i) Pegawai Kesihatan mempunyai kebebasan memasuki mana-mana bahagian bangunan berlesen itu pada setiap masa yang menasabah.

(ii) Lantai-lantai semua bangunan berlesen hendaklah berlapiskan konkrit atau lain-lain bahan taktelapir yang diluluskan oleh Majlis dan hendaklah dicuram dengan betul ke longkang-longkang. Longkang-longkang itu hendaklah dibina mengikut kehendak-kehendak Undang-undang Kecil Bangunan, Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang, 1949.

Kehendak-kehendak Kesihatan.

P. IV. K. 238/49.

(iii) Tingginya sesebuah kandang lembukerbau hendaklah tidak kurang daripada lapan kaki diukur daripada lantai ke cucur atap.

(iv) Hendaklah diadakan satu ruang lapang yang tidak kurang daripada limabelas kaki lebarnya di sekeliling kandang lembukerbau itu, diukur dari tiang-tiang luar sempadan bangunan berlesen itu.

(v) Sesebuah kandang lembukerbau itu hendaklah dibina supaya terdapat ruangan lantai bagi—

(a) tiap-tiap seekor kuda atau kerbau yang dipelihara di dalamnya, tidak kurang daripada sepuluh kaki panjang dan enam kaki lebar;

(b) tiap-tiap seekor lembu betina atau lembu jantan yang dipelihara di dalamnya, tidak kurang daripada sepuluh kaki panjang dan empat kaki lebar, dan

(c) tiap-tiap sepuluh ekor kambing biri-biri atau kambing yang dipelihara di dalamnya, tidak kurang daripada seratus limapuluh kaki persagi.

dan ruang itu, bagi tiap-tiap satunya, hendaklah tidak termasuk ruang yang digunakan untuk menyimpan makanan, palung makanan atau longkang tengah atau tepi bangunan itu.

(vi) Permukaan lantai sesebuah kandang lembukerbau itu hendaklah sekurang-kurangnya sekaki lebih tinggi daripada paras purata ruang lapang itu.

(vii) Dinding-dinding bagi sesebuah kandang lembukerbau itu hendaklah licin permukaannya dan penjuru-penjurnya hendaklah dilengkangkan.

(viii) Segala kotoran cecair daripada kandang lembukerbau itu hendaklah ditempatkan di dalam sebuah tangki enapan yang dibentuk dengan teraturnya sebelum disalurkan ke dalam satu aliran air umum.

(ix) Gantiudara bangunan itu, yang hendaklah diuntukkan dengan memuaskan hati Majlis hendaklah mempunyai hubungan terus dengan udara luar.

(x) Tanah kepunyaan sesebuah kandang lembukerbau itu hendaklah dipagar hingga memuaskan hati Majlis.

(xi) Ruang lapang di sekeliling kandang lembukerbau itu dan di mana-mana jua di bangunan itu hendaklah berturap, berturap logam atau bertar dan dilongkangkan dengan memuaskan hati Majlis. Sebuah kawasan berturap yang tidak kurang daripada satu perduabelas daripada kawasan lantai kandang lembukerbau itu hendaklah diuntukkan bagi membasuh binatang-binatang yang dipelihara di dalamnya.

(xii) Sebuah kandang yang berasingan hendaklah diuntukkan dengan memuaskan hati Majlis, untuk memerah susu lembukerbau itu.

(xiii) Hendaklah disediakan bekalan air yang cukup di bangunan berlesen itu dengan memuaskan hati Majlis.

(xiv) Segala sampah-sarap dagangan, habuk, sapuan dan lain-lain benda yang bahaya dan mencederakan hendaklah dibuang daripada bangunan itu supaya bangunan itu berkeadaan bersih dan baik pada setiap masa.

(xv) Hendaklah diuntukkan di bangunan itu sebuah bekas atau bekas-bekas untuk sampah-sarap kandang lembukerbau itu. Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah dibuat mengikut cara dan daripada bahan-bahan dan disenggara pada setiap masa dalam keadaan supaya mencegah isikandungannya daripada terlepas ke tanah atau ke dinding mana-mana bangunan. Alas atau lantai bekas atau bekas-bekas itu hendaklah sekurang-kurangnya sekaki setengah lebih tinggi daripada permukaan tanah sekeliling.

(xvi) Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah bertutup.

(xvii) Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah berkeluasan yang tidak kurang daripada satu setengah kaki padu bagi tiap-tiap binatang yang dipelihara dalam kandang lembukerbau itu.

(xviii) Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah mudah dipindahkan dan hendaklah dilapik dengan memuaskan hati Majlis, dengan kepingan logam atau lain-lain bahan taktelapir.

(xix) Tiada sesiapa pun, yang mengidap penyakit kulit atau apa-apa penyakit lain yang pada penduduk Majlis mungkin mempunyai bahaya meribak atau berjangkit, boleh tinggal, digajikan atau berada dalam atau di mana-mana bangunan berlesen.

(xx) Pemegang lesen hendaklah memberitahu Pegawai Kesihatan dengan segera sekiranya terdapat penyakit binatang yang luar biasa.

(xxi) Bangunan-bangunan yang berlesen itu tidak boleh mempunyai bilik kediaman atau tempat tidur untuk manusia.

(xxii) Tidak ada kerja-kerja lain, selain daripada memelihara lembu-kerbau dan kerja-kerja yang berkaitan, bertalian atau berhubung dengan lembu-kerbau, boleh dijalankan dalam bangunan berlesen tanpa kebenaran bertulis Majlis.

(xxiii) Pegawai Kesihatan boleh pada bila-bila masa pun mengarahkan supaya—

(a) segala benda dalam bangunan berlesen itu dipindahkan dari bangunan itu;

(b) dinding-dinding, lantai-lantai dan siling-siling bangunan berlesen itu dibersihkan dan dibasuh sebagaimana yang diarah;

(c) Segala sampah-sarap dalam bangunan berlesen itu diangkut dan dihapuskan mengikut cara sebagaimana yang diarah.

(xxiv) Majlis boleh, mengikut budibicara mutlaknyanya, mengeneipkan mana-mana kehendak Undang-undang Kecil atau mengenakan syarat-syarat tambahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(xxv) Seseorang pemegang lesen adalah terikat kepada Undang-undang Kecil ini dan kepada syarat-syarat lain sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Majlis.

7. Sesiapa yang melakukan satu kesalahan terhadap Undang-undang Kecil ini, jika tiada lain-lain hukuman yang dinyatakan, boleh dikenakan denda yang tidak lebih daripada duaratus limapuluh ringgit atau bagi kesalahan yang berterusan, sebanyak duapuluh lima ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu diteruskan. Hukuman.

8. Undang-undang Kecil Kandang-kandang Lembu-kerbau, Bangsal-bangsai Lembu, Tempat-tempat Memelihara Babi, Lembaga Luar Bandar, Pulau Pinang, 1951 adalah dimansuhkan setakat mana yang ianya berkaitan dengan kandang-kandang lembu-kerbau dan bangsal-bangsai lembu dan Undang-undang Kecil tersebut adalah dinamakan semula sebagai Undang-undang Kecil Tempat-tempat Memelihara Babi, Lembaga Luar Bandar, Pulau Pinang, 1951. P.W.K.
172/51.

JADUAL

(Undang-undang Kecil 4)

Untuk satu lesen bagi—

(a) Setakat 15 ekor lembu-kerbau	...	...	\$ 30 setahun;
(b) 16 hingga 50 ekor lembu-kerbau	...	...	75 setahun;
(c) lebih daripada 50 ekor lembu-kerbau.	...	...	150 setahun.

Bertarikh pada 2hb Mei, 1974.

[PSUK/PP/13861/BAH. 2; MDLB/PP/A/985;
PU/PP/1126 Pt. 11.]

LEE THIN PEE,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang

